

PENDEKATAN DAKWAH DALAM LIRIK-LIRIK LAGU KUMPULAN *LEFTHANDED****THE PREACHING APPROACH IN THE LYRICS OF THE LEFTHANDED GROUP'S SONGS***Aqhari Isa¹¹ Pelajar PhD, Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, aqhari94@gmail.com

Artikel diterima: 03 Februari 2025

Selepas Pembetulan: 21 April 2025

Diterima untuk terbit: 29 Mei 2025

Abstrak

Lirik lagu merupakan salah satu jenis puisi yang berperanan untuk menyampaikan sebuah naratif atau pemikiran dalam sesebuah lagu serta mempunyai kaitan yang rapat dengan kehidupan manusia. Kaedah pendekatan dakwah yang ditonjolkan dalam lirik lagu sebenarnya dapat menimbulkan daya tarikan yang lebih mendalam tentang kesucian dan ketinggian agama. Pendekatan dakwah bukan sahaja dapat dilihat melalui lagu-lagu nasyid malah ia juga dapat dilihat menerusi lagu-lagu bergenre *rock*. Kajian ini akan meneliti dua buah lirik lagu yang dihasilkan oleh kumpulan *rock* Malaysia iaitu *Lefthanded* yang berjudul *Seruan* dan *Alam & Pencipta*. Kedua-dua buah lagu ini dipilih kerana ia membawa mesej dakwah yang jelas kepada masyarakat khususnya penggemar-penggemar muzik *rock*. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah kedua-dua lirik lagu tersebut menekankan mesej dakwah yang selari dengan al-Quran. Dengan itu, kaedah kajian yang akan digunapakai dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif dan Metodologi Kesusasteraan Islam melalui konsep pendekatan dakwah. Akhirnya, hasil kajian mendapati bahawa kedua-dua lirik lagu tersebut memberikan impak yang bermakna kepada kehidupan masyarakat apabila kita menghayati seni kata lagu tersebut secara mendalam. Hakikatnya, lagu-lagu *Lefthanded* mempunyai kesucian makna yang selari dengan al-Quran dalam penghasilan lirik yang selama ini telah dipandang negatif oleh masyarakat.

Kata kuncilirik, pendekatan dakwah, lagu *rock*, agama, *Lefthanded***Abstract**

Song lyrics are one type of poetry that plays a role in conveying a narrative or thought in a song and has a close connection with human life. The preaching approach highlighted in the lyrics of the song can actually create a deeper attraction about the purity and height of religion. The preaching approach can not only be seen through nasyid songs but it can also be seen through rock genre songs. This study will examine the lyrics of two songs

produced by the Malaysian rock group Lefthanded, entitled Seruan and Alam & Pencipta. These two songs were chosen because they bring a clear preaching message to the community, especially rock music fans. In addition, this study aims to see to what extent the two lyrics of the song emphasize the preaching message that is parallel to the Quran. With that, the research method that will be used in this study is the qualitative method and Methodology of Islamic Literature through the concept of preaching approach. Finally, the results of the study found that the two lyrics of the song provide a meaningful impact on the lives of the community when we deeply appreciate the art of the song's lyrics. The fact is, Lefthanded's songs have a purity of meaning that parallels the Quran in the production of lyrics that have been viewed negatively by society.

Keywords

lyrics, preaching approach, rock song, religion, Lefthanded

1.0 Pengenalan

Secara umumnya, lirik merupakan sejenis puisi atau seni kata yang melukiskan perasaan seseorang untuk disampaikan kepada masyarakat. Dengan kata lain, lirik akan diiringi dengan alunan muzik yang dicipta dan diolah bersesuaian dengan seni kata tersebut. Menurut Nik Safiah Abdul Karim (1994), lirik lagu terdiri daripada perkataan-perkataan yang disusun rapi untuk menimbulkan keindahan. Malahan lirik juga berperanan dalam memerihalkan kisah atau pemikiran dalam sesebuah lagu serta mempunyai kaitan yang rapat dengan masyarakat. Jika diperhatikan dalam konteks dunia muzik di negara kita pelbagai jenis lirik telah dihasilkan melalui kepelbagaian genre antaranya *pop, balada, blues, disko, hip-hop, R&B, heavy metal* dan *rock*. Perkataan *rock* secara hurufiahnya bermaksud batu yang bersifat keras. Dengan keadaan sedemikian masyarakat memahami genre *rock* sebagai genre yang keras, kasar malahan sinonim dengan perkara-perkara yang negatif. Dengan kata lain, muzik *rock* sudah sebatu dengan vokal nyanyian yang keras, penggunaan gitar elektrik, gitar bes serta membawa rentak genap yang kuat. Di Malaysia, istilah *rock kapak* sangat terkenal pada era 1980-an dalam kalangan masyarakat di negara kita. *Rock* dalam konteks ini bukanlah dikatakan 'kapak batu'. Sebaliknya, *rock* membawa maksud bergerak ke depan dan ke belakang, ke kiri dan ke kanan mengikut irama dan rentak. Dengan bahasa mudahnya bergoyang rancak mengikut alunan muzik (Budiman Mohd Zohdi, 2021).

Era kegemilangan muzik *rock* di Malaysia dikatakan bermula sekitar awal tahun 1980-an. Kemunculan Kumpulan *Search* dengan album "Cinta Buatan Malaysia" pada tahun 1985 dan album kompilasi "Battle of the Bands" yang menampilkan Kumpulan *Lefthanded*, Kumpulan *Bloodshed*, Kumpulan *SYJ*, Kumpulan *Ella & The Boys* dan Kumpulan *Rahim Maarof & Whitesteel* pada sekitar tahun 1986 membuatkan muzik *rock* terus mendominasi industri muzik tanah air (Payatt, 2017). Dengan itu, kajian ini akan memilih sebuah kumpulan *rock* iaitu Kumpulan *Lefthanded* untuk dijadikan bahan kajian. Menurut cerita daripada Man Kidal & Nash, Kumpulan *Lefthanded* telah ditubuhkan pada tahun 1976. Pada ketika itu, mereka terdiri daripada **tujuh** orang anggota kumpulan yang bermain muzik di tepi tembok, memasuki studio dan membuat persembahan di majlis kenduri kahwin (Youtube, 22 April 2022). Kumpulan ini boleh dikatakan setaraf dengan

Kumpulan *Search* dan Kumpulan *Wings* kerana mereka memiliki album studio yang banyak dan lagu-lagu malar segar yang masih diingati oleh masyarakat sehingga kini. Misalnya, kumpulan ini memiliki enam buah album studio iaitu *Keadilan* pada tahun 1986, *Seruan* pada tahun 1987, *Qabul* pada tahun 1988, *Evolusi* pada tahun 1989, *Fanatisme* pada tahun 1991 dan *Syurga & Neraka* pada tahun 1999 (Fatin Farhana Ariffin, 2023). Tegasnya, kajian ini memilih Kumpulan *Lefthanded* sebagai fokus kajian terhadap lagu-lagu mereka kerana kumpulan ini merupakan kumpulan *rock* terawal di Malaysia yang menghasilkan lagu-lagu bercorak ketuhanan iaitu sejak tahun 1986 lagi. Malah kumpulan ini memiliki jumlah lagu bertemakan ketuhanan yang banyak seperti *Seruan*, *Alam & Pencipta*, *Hadapilah dengan Sabar*, *Restu yang Abadi*, *Impian Setaman*, *Carilah*, *Satu Tidur yang Panjang*, *Perjalanan Cinta Abadi*, *Syurga & Neraka* dan *Tenang*. Kesannya, kumpulan-kumpulan *rock* lain turut mencipta lirik-lirik lagu yang berunsur ketuhanan dalam lagu-lagu mereka seperti Kumpulan *Wings* dengan lagu *Dari Tuhan* yang diterbitkan pada tahun 1987 dan Kumpulan *Search* dengan lagu *Mentari Merah di Ufuk Timur* juga diterbitkan pada tahun yang sama.

Walau bagaimanapun, pengkaji akan **memfokuskan** dua buah lagu sahaja dalam kajian ini iaitu *Seruan* dan *Alam & Pencipta*. Kedua-dua buah lagu ini dipilih kerana ia merupakan lagu hit yakni disukai ramai oleh peminat-peminat muzik *rock*. Hal ini disebabkan kerana lagu *Seruan* telah ditonton sebanyak 1.2 juta manakala lagu *Alam & Pencipta* telah ditonton sebanyak 77 ribu orang di saluran *Youtube* (Akhmalia, 2017). Perkara ini membuktikan bahawa kedua-dua buah lagu ini mendapat sambutan yang hangat dalam kalangan masyarakat walaupun muziknya berentak keras. Pada masa yang sama, kedua-dua buah lagu ini memaparkan unsur dakwah yang sangat jelas dan menyeluruh dalam kehidupan masyarakat khususnya orang Islam. Oleh itu, kajian ini akan melihat dan meneliti sejauh manakah kedua-dua buah lagu ini menekankan mesej dakwah yakni unsur ketuhanan dalam lirik-lirik tersebut.

2.0 Pernyataan Masalah

Lirik yang ditulis dalam lagu kadangkala tidak dihayati dan difahami secara terperinci oleh kebanyakan pendengar di negara kita. Sebaliknya, mereka hanya memfokuskan kepada beberapa aspek iaitu pertama penampilan seseorang penyanyi atau pemuzik, kedua suara penyanyi yang merdu, ketiga cara penyanyi atau pemuzik beraksi di atas pentas dan keempat irama muzik yang syahdu serta sesuai didengar. Misalnya, penyanyi *rock* dikenali dengan identiti rambut panjang, berseluar ketat serta beraksi secara lincah di atas pentas. Pandangan masyarakat terhadap perkara ini menimbulkan persepsi negatif terhadap kumpulan-kumpulan *rock*. Sebagai contoh, umum mengetahui muzik *rock* pernah diharamkan oleh pihak kerajaan apabila berlakunya keadaan yang tidak tenteram ketika konsert *Battles of The Bands* di Pulau Pinang pada 3 September 1986 (Aini Sekilang, 2023). Kesan daripada peristiwa itu, pihak kerajaan telah mengambil langkah drastik seperti mengetatkan garis panduan kepada penyanyi lelaki supaya mereka berambut pendek. Peraturan ini memberikan kesan khususnya kepada penyanyi-penyanyi *rock* pada ketika itu sehinggakan lagu-lagu mereka digam dan persembahan-persembahan mereka diharamkan di stesen-stesen televisyen. Walaupun ada antara lagu mereka membawa mesej yang baik seperti aspek dakwah dalam lirik

yang dihasilkan tetapi lagu-lagu tersebut telah dipandang serong oleh segelintir masyarakat dan pihak kerajaan kerana mereka menilai muzik berasaskan luaran bukannya dalaman. Sejak daripada itu, lagu-lagu *rock* dipandang serong oleh masyarakat sedangkan isi dan makna tersirat di sebalik lagu itu memberi sentuhan agama yang sangat mendalam seperti lagu *Seruan* dan *Alam & Pencipta* dari *Kumpulan Lefthanded*.

3.0 Tinjauan Kajian Lepas

Berdasarkan kajian-kajian ilmiah yang ditinjau, pengkaji mendapati telah banyak kajian mengenai lirik lagu dilakukan. Kebanyakan kajian lirik lagu diteliti melalui aspek semantik, hermeneutika, unsur gaya bahasa, kritikan sosial, pendekatan stilistik dan unsur sarkasme sebaliknya, kajian-kajian terhadap lagu tidak bergenre religi atau nasyid tetapi mengandungi unsur dakwah amat kurang diteliti oleh para pengkaji. Antara kajian lirik lagu yang melihat aspek pendekatan dakwah ialah kajian yang bertajuk “Makna Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu *Deen Assalam Cover Nissa Sabyan*” pada tahun 2019. Kajian ini telah melihat pesan dakwah yang terkandung dalam lagu yang asalnya dipopularkan oleh penyanyi Arab iaitu Saudi Sulaiman. Selain itu, kajian yang ditulis oleh Ferdian Achsani dan Siti Aminah Nur Laila bertajuk “Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu *Menyambut Lebaran Karya Pendhoza*”. Kajian ini dilakukan pada tahun 2019 yang melihat aspek dakwah dalam lagu yang bertemakan agama dan melodinya berentak perlahan. Kemudian, kajian yang dilakukan pada tahun 2020 yang bertajuk “Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu *Kebaikan Tanpa Sekat*”. Kajian ini dilakukan oleh Muhammad Nurhuda Wartono dan Lukman al-Farisi yang memperlihatkan kegiatan dakwah kepada muallaf dalam lagu *Kebaikan Tanpa Sekat* yang mengalunkan irama qasidah.

Tambahan lagi, kajian berunsur dakwah dalam lirik lagu turut dilakukan oleh Mega Cynthia pada tahun 2020. Kajian ini berjudul “Pesan Dakwah dan Gaya Bahasa pada Lirik Lagu *Sebujuur Bangkai Rhoma Irama*”. Lagu ini berentak perlahan dan bergenre dangdut. Manakala kajian yang bertajuk “Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu *Ebiet G. Ade*” dilakukan oleh Syifa Hayati Islami pada tahun 2016. Lagu-lagu yang dikaji ini bergenre *pop*, *folk*, *contry* dan *jazz*. Seterusnya, kajian berjudul “Pesan Dakwah dan Kritik Sosial Pada Lirik Lagu (Analisis Semiotika Roland Barthes pada Lirik Lagu *Haluan Barasuara*)”. Lagu ini berentak rancak dan bergenre *indie* yang sangat terkenal di Indonesia. Kemudian, kajian bertajuk lirik lagu berkaitan dengan kumpulan *rock* dari Indonesia yang bertajuk “Materi Dakwah pada Grup Ban Non-Religi (Analisis Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu *Grub Band GIGI*)”. Selain itu, kajian daripada Elias telah menganalisis lagu-lagu yang dihasilkan oleh Maher Zain yang terkenal sebagai seorang penyanyi nasyid. Kajian-kajian lain yang melihat aspek dakwah melalui lirik lagu semuanya kajian yang ditulis dari penulis Indonesia seperti Haryonto (2008), Nasir (2014), Yulita (2014), Nordiati (2014), Syamsul (2015), Wijaya (2015), Bagus Sujatmiko (2015), Agung (2018), Fauzi et. al. (2018), Nursyifa (2019), Ahmad Azman Albana (2019), Yurizcha (2019), Hidayah (2019), Setiawati (2019), F. Achmad (2019), Zuhri (2020), Yoka Pradana (2020), Jabbar (2020), Wildaanun Najib (2020), Basofi (2020), Sabariah Jamaluddin et.al. (2021), Bella (2021), SD Mika (2021), Susanti (2021), Fachrizal (2021), Mutaqin et. al. (2022), Ulum (2022), Umi (2022) dan Rifqi (2023).

Kesimpulannya, kajian mengenai aspek dakwah melalui lirik lagu telah banyak dilakukan di Indonesia berbanding di Malaysia. Namun begitu, lirik lagu yang dikaji di Malaysia dengan menerapkan elemen muzik *rock* terhadap aspek dakwah belum pernah dikaji oleh mana-mana pengkaji. Oleh itu, wajar untuk kajian ini dilakukan terhadap lirik-lirik lagu Kumpulan *Lefthanded* kerana belum ada yang mengkajinya.

4.0 Kaedah dan Konsep Pendekatan Dakwah

Kajian ini menerapkan kaedah kualitatif yang menggunakan dua kaedah iaitu keadah kepustakaan dan analisis teks. Melalui kaedah ini, pengkaji melakukan pembacaan bagi meninjau kajian-kajian lepas dengan membaca artikel, tesis, makalah, akhbar untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai lirik-lirik lagu berunsur dakwah dari kumpulan *rock* Malaysia. Selain itu, pengkaji juga mengakses media sosial seperti *Youtube* untuk mendengar dan menghayati lirik-lirik lagu dari Kumpulan *Lefthanded* yang ingin dikaji supaya pengkaji dapat menghayati mesej lirik tersebut. Kemudian, pengkaji akan menganalisis teks dengan melihat aspek dakwah dalam lirik-lirik lagu dengan menggunakan konsep pendekatan dakwah yang selari dengan al-Quran. Pendekatan dakwah merupakan salah satu metodologi yang terdapat dalam bidang kesusasteraan Islam. Pendekatan ini akan melihat konsep kreativiti Islam yang diterapkan dalam karya seni. Kreativiti Islam dimaksudkan sebagai kegiatan daya cipta seni yang dijiwai sepenuhnya oleh ciri-ciri Rabbani (Hashim Awang, 1995:30). Oleh itu, seni yang dicipta melalui kreativiti Islam memainkan peranan utama untuk menyerlahkan erti kewujudan Allah.

Konsep pendekatan dakwah ialah pendekatan yang melihat kesusasteraan itu sebagai wadah untuk manusia mempertingkatkan nilai ketakwaannya kepada Allah. Menurut Hashim Awang (1995), dalam "Metodologi Kesusasteraan Islam: Kaedah Penilaian", ciri-ciri karya seni yang menerapkan pendekatan dakwah adalah dengan memaparkan keindahan yang menonjolkan sifat-sifat ketinggian dan kemuliaan Allah. Dengan kata lain, sifat ini melihat kebesaran kuasa Allah sebagai pencipta alam. Kedua karya seni yang menonjolkan sifat dengan mendalami keyakinan atau ketakwaan insan terhadap Allah. Hal ini bermakna setiap manusia di muka bumi ini perlu mematuhi segala titah perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Ketiga hasil seni yang dapat melahirkan sesuatu yang indah dan bermakna dengan membawa kebaikan kepada masyarakat. Antara bentuk dakwah yang boleh diteliti dalam sesebuah karya seni adalah seperti kesedaran, penyatuan, kerelaan, universal dan keagungan. Ringkasnya, pendekatan dakwah ini melihat kesusasteraan yakni hasil seni sebagai alat pengembangan Islam dalam konteks penghayatan keunggulannya dan keagungan Allah yang selari dengan al-Quran. Melalui pendekatan ini, pengkaji akan menilai serta menganalisis hasil seni iaitu lirik lagu *Seruan* dan *Alam & Pencipta* oleh Kumpulan *Lefthanded*.

5.0 Pendekatan Dakwah dalam Lirik Lagu *Seruan*

Lagu *Seruan* merupakan salah satu lagu ketuhanan yang hit dari Kumpulan *Lefthanded*. Lagu ini telah diterbitkan pada tahun 1987 dan judulnya dijadikan sebagai nama album kedua dalam kumpulan tersebut. Lagu ini telah dicipta oleh *Lefthanded* dan liriknya ditulis

oleh Datuk Ramli Sarip. Menurut Ramli Sarip, ilham untuk menulis lagu *Seruan* bermula apabila mendengar azan subuh berkumandang (Norlaili Abdul Rahman, 2019). Dari situlah terhasilnya bait-bait lirik lagu *Seruan* yang bertemakan ketuhanan untuk menyampaikan dakwah kepada pendengar melalui muzik *rock*. Lagu ini terdiri daripada 6 rangkap yang sangat indah dan mendalam maknanya. Perhatikan rangkap pertama lagu ini melalui bait-bait di bawah:

Gigil, mengigil aku
Kudengar suara kebesaran
Terbangun dari tidurku
Suara azan berkumandang

(<https://www.musixmatch.com/lyrics/Lefthanded/Seruan>)

Unsur ketuhanan dalam lirik lagu di atas memperlihatkan aspek dakwahnya yang menjurus ke arah ibadah. Salah satu ibadah utama yang wajib ditunaikan oleh setiap muslim ialah solat fardu lima waktu. Dalam lirik lagu ini, penulis cuba memberi kesedaran kepada pendengar betapa pentingnya solat bagi setiap orang Islam. Salah satu waktu solat fardu yang memberikan ujian besar kepada seseorang muslim ialah solat subuh. Hal ini dikatakan demikian kerana waktu solat subuh bermula ketika terbitnya fajar *sadiq* yakni waktu munculnya warna putih di ufuk timur. Melalui lirik lagu di atas, penulis cuba menggambarkan bahawa seorang muslim akan berasa tidak tenang sekiranya mereka tidak menunaikan solat fardu subuh apabila mendengar azan berkumandang. Satu ciri dakwah yang disebut oleh Hashim Awang (1995), sebuah hasil seni itu akan memaparkan sifat keyakinan dan ketakwaan kepada Allah. Dengan kata lain, seorang muslim yang bertakwa ialah orang yang menunaikan solat fardunya apabila mendengar azan berkumandang. Aspek dakwah ini selari dengan apa yang terkandung dalam al-Quran, Surah An-Nisa' ayat 103 tentang pentingnya solat fardu:

فَإِذَا قَضَيْتُمُ الصَّلَاةَ فَادْكُرُوا اللَّهَ فِيمَا وَفَعُوا وَعَلَىٰ حُبُوبِكُمْ ۚ فَإِذَا أَطْمَأْنَنْتُمْ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ ۚ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ
عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا

Maksudnya:

Selanjutnya, apabila kamu telah menyelesaikan solat(mu), ingatlah Allah ketika kamu berkeadaan berdiri, duduk dan berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa aman, maka laksanakanlah solat itu (sebagaimana biasa). Sesungguhnya solat itu adalah kewajipan yang ditentukan waktunya atas orang yang beriman.

Surah An-Nisa' (4):103

Jelaslah bahawa bahagian permulaan lirik lagu *Seruan* ini dimulakan dengan menyeru umat Islam untuk bersembahyang. Sebaliknya, penulis cuba menggambarkan kepada pendengar bahawa penyesalan akan berlaku jika seseorang itu mengabaikan laungan azan. Dengan kata lain, seorang muslim akan hilang arah tuju serta pegangan hidup kerana meninggalkan ibadah solat fardu yang telah diwajibkan ke atas dirinya. Hal ini berpunca apabila seseorang muslim tidak menyedari yakni hidup dalam keadaan kealpaan bahawa kematian itu boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja. Apakah yang

terjadi jika seseorang itu mati dalam keadaan tidak solat? Penceritaan lagu ini dapat diperhatikan melalui bait-bait lirik di bawah:

Terketar ketika itu
Manakah arah tujuanku?
Berlinang air mataku
Menitis ke bumi penyesalan

Garis panduan tiada kuhindari
Ajral sentiasa tanpa kusedari

(<https://www.musixmatch.com/lyrics/Lefthanded/Seruan>)

Pada bahagian korus lirik lagu ini, penulis menekankan aspek keinsafan dan kesedaran seseorang itu apabila meninggalkan solat yakni melakukan dosa besar. Dengan kata lain, ilmu dakwah ini adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat agar keluar daripada keadaan gelap kepada keadaan cahaya yang boleh menerangi hidup orang lain (Ab. Aziz, 1997). Menurut Arrazzaqu (2017), dakwah adalah usaha yang dilakukan seseorang untuk mengajak manusia ke jalan menuju redha Allah SWT. Hal ini selari dengan salah satu bentuk aspek dakwah yang disebut oleh Hashim Awang (1995) iaitu aspek kesedaran. Jika diperhatikan lirik lagu ini pada bahagian korus, seseorang itu baru mula mengenal kehidupannya yang sebenar dan mengenal dirinya sebagai seorang muslim yang sejati. Kemudian, pada bahagian pengakhiran lirik lagu ini, penulis menunjukkan bahawa seseorang itu ingin bertaubat dan kembali ke jalan yang benar dengan berdoa serta menyebut kalimat “Ya Tuhanku, Ya Tuhanku, Ya Tuhanku, Ya Tuhanku, Ya Tuhanku, Ya Tuhanku” yang diulang sebanyak 6 kali. Pengulangan doa ini merupakan rintihan dan rayuan hambanya yang dapat dilakukan supaya dosanya diampun oleh Allah. Gambaran tentang usaha tersebut dapat dihayati melalui bait-bait lirik di bawah:

Baru ku mengerti erti kehidupan
Mengenal diri dalam kehidupan
Tiadalah aku

Bawalah aku hampir kepada-Mu
Jalan sebenar mengikut arah-Mu
Ya Tuhanku (6x)

(<https://www.musixmatch.com/lyrics/Lefthanded/Seruan>)

Sebagai kesimpulan terhadap analisis lirik lagu *Seruan*, pengkaji mendapati bahawa lagu ini membawa mesej dakwah yang besar kepada pendengar di samping penggunaan diksi yang indah serta mendalam maknanya. Perkara inilah yang disebut sebagai kreativiti Islam terhadap karya seni yang dicipta serta membawa kebaikan kepada masyarakat. Ternyata mesej tersebut menekankan aspek dakwah seperti kewajipan bersolat, bertaubat dan berdoa kepada Allah supaya setiap insan dapat melaksanakan perintah-Nya dengan sempurna. Jika seseorang insan itu melakukan dosa maka dia perlu bertaubat dengan meminta ampun kepada Tuhan-Nya. Oleh itu, pengkaji menyarankan semua masyarakat supaya mendengar lagu *Seruan* dan jadikan

lagu ini sebagai panduan dalam kehidupan kita berdasarkan lirik dan mesej dakwah yang cuba disampaikan.

6.0 Pendekatan Dakwah dalam Lirik Lagu *Alam & Pencipta*

Jika diperhatikan judul lagu ini sudah tentu kita sebagai pendengar dapat mengetahui bahawa mesej lagu ini berkisarkan tentang kekuasaan dan kebesaran Allah terhadap makhluk-Nya. Lagu *Alam & Pencipta* diterbitkan pada tahun 1987 serta merupakan lagu dalam album *Lefthanded* yang sama dengan lagu *Seruan*. Lagu ini dicipta oleh *Lefthanded* dan ditulis oleh orang yang sama iaitu Datuk Ramli Sarip. Beliau memang dikenali sebagai seorang penulis lirik yang puitis serta menyumbangkan banyak lagu ke dalam album-album kumpulan *Lefthanded*. Menurut Man Bai, lirik lagu *Lefthanded* ini bersifat puitis atau sastera manakala M. Nasir, pula berpendapat bahawa ahli-ahli dalam kumpulan *Lefthanded* sangat teliti mengenai muziknya termasuklah lirik lagu (Youtube, 22 April 2022). Lagu *Alam & Pencipta* terdiri daripada 4 rangkap yang dimulai dengan bait-bait di bawah:

Demi kau yang beri kehidupan
Pencipta alam luas terbentang
Oh agung sungguh ciptaan-Mu
Hanya kau Tuhan yang satu

(<https://www.musixmatch.com/lyrics/Lefthanded/Alam-Dan-pencipta>)

Penulis cuba menggambarkan pada bahagian permulaan lagu ini kepada pendengar bahawa Allah sebagai pencipta (khalik) alam yang memberikan kehidupan kepada makhluk-makhlukNya. Kekuasaan dan kebesaran Allah sebagai pencipta meliputi semua aspek yang tidak terlintas serta menjangkau akal fikiran kita. Dengan kata lain, Allah berkuasa mengadakan sesuatu makhluk dan meniadakan sesuatu makhluk. Hakikatnya, bait-bait lirik lagu di atas telah digambarkan oleh penulis sebagai peringatan kepada pendengar bahawa yang ada dan kekal dalam dunia ini hanyalah Allah manakala semua makhluk di muka bumi ini akan binasa. Hashim Awang (1995) dalam "Metodologi Kesusasteraan Islam: Kaedah Penilaian" berkata, salah satu bentuk dakwah dalam hasil seni ialah aspek universal dan keagungan. Hal ini jelas dapat dilihat dalam bait-bait lirik di atas yang memerihalkan tentang aspek universal dan keagungan Allah yang tidak boleh dihitungkan oleh manusia. Oleh itu, bagi menghayati aspek dakwah dalam lirik lagu ini, penulis menggambarkannya dengan lebih jelas dalam rangkap yang berikutnya.

Pasang surut laut silih berganti
Bertukar siang berganti malam
Bulan bintang matahari
Menerangi alam maya ini

(<https://www.musixmatch.com/lyrics/Lefthanded/Alam-Dan-pencipta>)

Kekuasaan Allah sebagai pencipta jelas terdapat dalam bait-bait lirik di atas kerana Allah yang menjadikan alam secara berpasang-pasangan supaya kita

mengetahui dan mengenali-Nya. Sebagai contoh, pasang pasangannya surut, siang pasangannya malam dan bulan pasangannya matahari. Dengan erti kata yang lain, setiap makhluk yang dicipta oleh Allah mempunyai pasangannya masing-masing. Unsur dakwah ini dapat dikaitkan dengan ayat al-Quran yang banyak menceritakan tentang kejadian alam; seperti Surah Yunus ayat 6, Surah al-Qasas ayat 73, Surah al-Furqan ayat 62, Surah an-Nur ayat 44 dan Surah al-Fussilat ayat 37. Oleh itu, bagi menghayati makna kebesaran Allah di atas, boleh perhatikan Surah Ali Imran ayat 190 di bawah:

لِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ

Maksudnya:

Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi orang yang berakal.

Surah Ali Imran (3):190

Jelaslah lagu ini membawa mesej yang sangat mendalam supaya kita mengenali dan mengetahui kebesaran Allah. Malah unsur dakwah ini selari dengan ayat-ayat yang terkandung dalam al-Quran. Seterusnya, penulis menekankan unsur dakwah dalam lirik lagu ini pada bahagian korus yang menceritakan tentang segala makhluk berada di bawah kekuasaan Allah seperti perkataan "genggamannya" yang ditakwilkan sebagai kuasa. Antara kekuasaan-Nya ialah Allah bersifat baqa' dan makhluk bersifat binasa. Dengan kata lain, Allah yang menghidupkan seseorang dan mematikan seseorang tetapi setiap makhluk yang bernyawa pasti akan mati. Sesungguhnya, kehidupan bagi makhluk hanyalah sementara yang kekal abadi hanyalah Allah. Sifat-sifat kekuasaan Allah ini dapat diperhatikan melalui bait-bait lirik di bawah pada bahagian korus:

Apa juga di dalam genggamannya
Setiap yang bernafas atau bernyawa
Dia berkuasa atas segalanya
Kau Tuhan yang maha kaya

Kehidupan hanya sementara
Yang kekal hanya yang maha esa
Kau Tuhan pencipta alam
Yang memberi kehidupan

(<https://www.musixmatch.com/lyrics/Lefthanded/Alam-Dan-pencipta>)

Ternyata bahagian korus dalam lirik lagu ini menginsafkan kita sebagai hamba dan makhluk yang lemah serta tidak mempunyai apa-apa. Malah, lagu ini mengingatkan kepada kita tentang kehidupan ini hanyalah sementara dan malaikat maut boleh datang untuk mancabut nyawa kita pada bila-bila masa. Yang mengetahui tentang kematian hanyalah Allah, kita sebagai hamba perlu bersedia dengan bertakwa kepada-Nya. Hakikatnya, unsur dakwah berkaitan dengan kematian banyak disebut dalam al-Quran antaranya dalam Surah al-Anbiya' ayat 35, Surah al-'Ankabut ayat 57, Surah al-Jumu'ah ayat 8, Surah al-Mulk ayat 2, Surah Yunus ayat 49, Surah Luqman ayat 34, Surah as-

Sajdah ayat 11, dan Surah Qaf ayat 19. Oleh itu, seni yang dicipta melalui kreativiti Islam memainkan peranan utama untuk menyerlahkan erti kewujudan Allah seperti mana yang terdapat dalam lirik lagu *Alam & Pencipta* (Hashim Awang, 1995:30).

7.0 Penutup

Sebagai kesimpulan, pengkaji dapat rumuskan bahawa lirik-lirik lagu *Lefthanded* iaitu *Seruan* dan *Alam & Pencipta* telah menonjolkan aspek dakwah yang sangat jelas kepada masyarakat khususnya pendengar-pendengar muzik rock. Analisis yang telah dilakukan ke atas kedua-dua buah lagu tersebut dapat diaplikasikan dengan sesuai berdasarkan kaedah yang dikemukakan oleh Hashim Awang tentang hasil seni yakni lirik lagu yang baik mestilah melahirkan sesuatu yang indah, bermakna dan membawa kebaikan. Seterusnya, pengkaji mendapati kedua-dua buah lirik lagu ini juga menekankan aspek ibadah yakni solat dan aspek akidah yakni kebesaran Allah. Kedua-dua aspek ini memberikan kesan yang sangat mendalam supaya manusia yang mendengarnya akan insaf dan berubah menjadi muslim yang lebih baik. Pada masa yang sama, lirik-lirik ini juga selari dengan maklumat yang terkandung dalam al-Quran. Oleh itu, pengkaji berharap dengan adanya kajian ini, kita sebagai pendengar lebih berfikiran terbuka dengan menghayati sesebuah lirik lagu atau hasil yang dicipta dengan positif walaupun ia bergenre *rock*. Janganlah mendengar dan menyanjung sesebuah muzik itu kerana irama dan lagunya semata-mata tetapi angkatlah dan terimalah muzik itu apabila ia membawa kebaikan kepada kita melalui lirik yang dihasilkan.

Rujukan

- Ab. Aziz Mohd Zin. (1997). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Achmad, F. (2019). *Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu "Putih" Band Efek Rumah Kaca*. Doctoral dissertation. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel.
- Achsani, F., & Laila, S. A. N. (2019). Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu "Menyambut Lebaran" Karya Pendhoza. *NALAR: Jurnal Peradaban dan Pemikiran Islam*, 3(2), 122-133.
- Agung, M. F. (2018). *Analisis Isi Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu "Ketika Tangan dan Kaki Berkata" Karya Chrisye*. Doctoral dissertation. Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati.
- Akhmalia. (2011). *Alam dan Pencipta*. Youtube. Diakses pada 12 Mei 2024, daripada <https://www.youtube.com/watch?v=ZmzYfZ5mskY>
- Al-Quran Tajwid dan Terjemahan. (2012). *Surah An-Nisa & Surah Ali Imran*. Kajang: Humaira Bookstore Enterprise.
- Albana, A. A. (2019). *Pesan Dakwah pada Lagu: Analisis Wacana Pesan Dakwah pada Lirik Lagu "Damai Bersama-Mu" oleh Chrisye*. Doctoral dissertation. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel.
- Arrazzaqu M.N. (2017). *Analisis Isi Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu Grup Band Ungu Album "Maha Besar"*. Unpublished master dissertation. Institut Agama Islam Negeri Salatiga, Indonesia.
- Ariffin. F. F. (2023, Mac 1). Orkestra Iringi Konsert Lefthanded Sempena 40 Tahun.

- Berita* *Harian* *Online.*
<https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriiti/2023/03/1070886/orkestra-iringi-konsert-lefthanded-sempena-40-tahun>.
- Aripudin, A., & Ridwan, M. R. (2009). Materi Dakwah pada Grup Ban Non-Religi (Analisis Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu Grup Band GIGI). *Ilmu Dakwah: Academic Journal for Homiletic Studies*, 4(13), 493-512.
- Awang, H. (1995). *Metodologi Kesusasteraan Islam: Kaedah Penilaian*. Dalam S. Jaafar Husin (Penye.), *Nadwah Ketakwaan melalui Kreativiti* (pp. 30-45). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Basofi, M. (2020). *Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu "Dealova" Karya Opick*. Doctoral dissertation. Institut Agama Islam Negeri Kediri.
- Bella, F. (2021). *Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu "Assalammualikum Cinta" (Analisis eun Van Djik)*. Doctoral dissertation. Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung.
- Cynthia, M. (2020). Pesan Dakwah dan Gaya Bahasa pada Lirik Lagu "Sebujuj Bangkai" Rhoma Irama. *Inteleksia-Jurnal Pengembangan Ilmu Dakwah*, 2(1), 107-126.
- Elias, P. (2018). *Pesan Dakwah Dalam Lirik Lagu-lagu Religi Maher Zain (Studi Terhadap Lagu-lagu Maher Zain)*. Doctoral dissertation. Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung.
- Fachrizal, M. D. (2021). *Pesan Dakwah Sabar pada Lirik Lagu and Armada: Analisis Isi Harold D. Lasswell*. Doctoral dissertation. Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati.
- Fauzi, N. A., Effendi, R., & Nandang, H. M. Z. (2018). Analisis Konten tentang Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu Siklus Waktu Album Cupumanik Karya Band Cupumanik. *Prosiding Komunikasi Penyiaran Islam*, 4(1), 167-171.
- Haryanto, B. (2008). *Isi Pesan Dakwah Pada Lirik Lagu Album Surgamu Group Band Ungu*. Skripsi. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Hidayah, M. N. (2019). *Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu Bersyukurlah" Fatin Shidqia Lubis*. Doctoral dissertation. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel.
- Islami, S. H. (2016). Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu Ebiet G. Ade. *Tabligh: Jurnal Komunikasi dan Penyiaran Islam*, 1(1), 105-128.
- Jabbar, A. A. (2020). *Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu "Rapuh Karya Opick Analisis Semiotik Charles Sanders Pierce*. Doctoral dissertation. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel.
- Jamaluddin, S., M Yacob, N. H., Abdul Rahman, N. H. W., Mustafa, L. M., & Mat Bahari, A. B. (2021). Unsur Ketuhanan di dalam Lirik Lagu "Gading". *Journal for Social Sciences*, 24(2), 1-6.
- Impian. (2022, April 20). *Temu bual Bersama Lefthanded*. [Video]. Youtube. <https://www.youtube.com/watch?v=khVlhne3OAAQ>
- Mika, S. D. (2021). *Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu: Analisis Isi Album "Bismillah" Grup Sabyan Gambus*. Doctoral dissertation. Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung.
- Mohd Zohdi. B. (2021, Januari 27). Kegemilangan Rock Kapak. *Sinar* *Harian* *Online.*
<https://www.sinarharian.com.my/article/121048/khas/pendapat/kegemilangan-rock-kapak>.
- Mutaqin, Z., Kushardiyanti, D., & Zikrillah, A. (2022). Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu "Trending Taufik Wal Hidayah" Wali Band. *ORASI: Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, 13(1), 78-93.
- Muzixmatch. *Lirik Alam dan Pencipta*. Diakses pada 16 April 2023, daripada

- <https://www.musixmatch.com/lyrics/Lefthanded/Alam-Dan-pencipta>
Musixmatch. *Lirik Seruan*. Diakses pada 15 April 2023, daripada
<https://www.musixmatch.com/lyrics/Lefthanded/Seruan>
- Najjib, W. (2020). *Pesan Dakwah Lirik Lagu "Bocah Ngapa Yak" Grup Band Wali (Analisis Semiotika Charles Sanders Peirce)*. Doctoral dissertation. Institut Agama Islam Negeri Ponorogo.
- Nasir, Z. A. (2014). *Analisis Isi Pesan Dakwah dalam Lagu Abatasa Karya Grup Band Wali*. Jakarta: Fakultas Ilmu Dakwah dan Ilmu Komunikasi UIN Syarif Hidayatullah.
- Nik Safiah Karim. (1994). *Bahasa Dalam Lagu*. Pelita Bahasa. April: 28-29.
- Nordiati, N. (2014). *Pesan Pesan Dakwah Dalam Lagu Pop Religi (Analisis Semiotik Lirik-Lirik Lagu Opick dalam Album "Ya Maulana")*. Skripsi. Tarbiyan dan Keguruan.
- Norlaili Abdul Rahman. (2019, Desember 7). Lefthanded Pukau Hard Rock Café KL. *Malaysia Gazette*. <https://malaysiagazette.com/2019/12/07/lefthanded-pukau-hard-rock-cafe-kl/>
- Nursyifa, M. R. (2019). *Pesan Dakwah Band Wali dalam Lirik Lagu "Abatasa" di Media Sosial "Youtube" Akun Nagaswara Official Video: Analisis Wacana*. Doctoral dissertation. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel.
- Payatt. (2017, Julai 29). Semangat Underground. *Harian Metro*.
<https://www.hmetro.com.my/rap/2017/07/248602/semangat-underground>
- Pradana, Y., & Utomo, B. S. (2020). Pesan Dakwah KH Hasan Abdullah Sahal dalam Lirik Lagu "Kembalilah". *ORASI: Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, 11(2), 233-246.
- Rikfi, A. (2023). *Pesan Dakwah melalui Lirik-lirik Lagu Religi Grup Band Ungu*. Doctoral Dissertation. Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung.
- Safitri, A. (2020). *Pesan Dakwah dan Kritik Sosial pada Lirik Lagu (Analisis Semiotika Rolland Barthes pada Lirik Lagu "Haluan" Barasuara)*. Unspecified. Universitas Islam Negeri Salatiga.
- Sari, Y. P. (2019). Makna Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu "Deen Assalam" Cover Nissa Sabyan. *Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, 4(2), 187.
- Setiawati, D. (2019). *Prinsip Komunikasi Dakwah dalam Lirik Lagu Ciptaan Grup Nasyid Raihan pada Album "Senyum"*. Skripsi. Universiti Islam Negeri Antasari Banjarmasin.
- Sujatmiko, B., & El Ishaq, R. (2015). Pesan Dakwah dalam Lagu "â€ œbila tibaâ€ œ". *KOMUNIKA: Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, 9(2), 181-195.
- Susanti, A. A. (2021). *Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu Kidung Wahyu Kalaseba (Analisis Semiotik Charles Sanders Pierce)*. Skripsi. Institut Agama Islam Negeri Ponorogo.
- Syamsul, A. (2015). *Pesan-pesan Dakwah dalam Lagu Banjar Ciptaan Anang Ardiansyah*. Skripsi. Universitas Islam Negeri Antasari Banjarmasin.
- Ulum, M. (2022). *Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu "Untuk Kita Renungkan" Karya Ebiet G Ade: Analisis Semiotika Charles Sanders Peirce*. Doctoral dissertation. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel.
- Umi, R. H. (2022). *Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu-lagu Religi Ali and (Album 3 in 1)*. Doctoral dissertation. Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung.
- Wartono, M. N., & Al Farisi, L. (2020). Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu "Kebaikan Tanpa Sekat". *Anida (Aktualisasi Nuansa Ilmu Dakwah)*, 20(2), 125-146.
- Wijaya, P. Y. (2015). *Pesan Dakwah melalui Lirik Lagu: Analisis Semiotik dalam Album*

- "Bujangan"* Karya Raden Haji Oma irama/rhoma irama. Doctoral dissertation. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel.
- Yulita, D. V. (2014). *Analisis Semiotik Pesan Dakwah Lirik Lagu Religi "Bidadari Surga"*. Doctoral dissertation. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel.
- Yurizcha, A. (2019). *Pesan Dakwah Lagu "Dealova" Opick dalam Album "Salam Ya Rasulullah": Analisis Wacana*. Doctoral dissertation. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel.
- Zuhri, M. H. (2020). *Pesan Dakwah Lirik Lagu "Lubang di Hati" oleh Sabrang Mowo Damar Panuluh (Letto Band)*. Doctoral dissertation. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel.